



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MENJADI MUKMIN BERJAYA

Tarikh Dibaca:

**23 JAMADILAKHIR 1445H /
5 JANUARI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MENJADI MUKMIN BERJAYA

5 JANUARI 2024 / 23 JAMADILAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ، وَالَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ، وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللّٰهِ مُعْرِضُونَ، وَالَّذِينَ هُمْ لِلرَّكْوَةِ فَلَعُولُونَ، وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ، إِلَّا عَلَى آزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ، فَمَنْ أَبْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ، وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاغُونَ، (سورة المؤمنون)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ

وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهُ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيَكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Menjadi Mukmin Berjaya**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang tidak henti-henti ditindas oleh rejim zionis Israel. Ketika ini mereka turut diuji dengan kekurangan bekalan makanan, sumber-sumber tenaga, bekalan ubat-ubatan dan keperluan asas yang lain. Bantulah mereka dengan apa-apa jua cara yang termampu dan janganlah lupakan mereka dalam doa kalian. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar Allah SWT memberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan buat mereka serta mematahkan segala muslihat dan tipu daya musuh. *Insya-Allah.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi keizinan-Nya untuk kita menikmati secebis lagi waktu di dunia ini dengan memasuki tahun baharu 2024. Sesungguhnya nikmat masa yang kita ada kini terasa semakin singkat bertepatan dengan ucapan Baginda Rasulullah SAW yang mengingatkan kepada kita tentang semakin dekatnya hari kiamat. Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَتَقَرَّبَ الزَّمَانُ فَتَكُونَ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ

Maksudnya: “Tidak akan terjadi hari kiamat sehingga masa semakin singkat, (manusia akan merasakan) masa setahun jadi seperti sebulan sahaja”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari**)

Walau apa jua yang berlaku, kehidupan mesti diteruskan dengan menuruti aturan dan ketetapan yang telah digariskan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Dalam merancang kehidupan dan masa depan yang lebih baik, kita hendaklah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dan rujukan utama lebih-lebih lagi kita sebagai mukmin beriman bahawa kehidupan di dunia hanyalah bersifat sementara dan jambatan menuju akhirat yang abadi. Maka, dalam Surah al-Mu'minun disebutkan tentang ciri-ciri Mukmin yang berjaya sebagaimana maksud firman Allah SWT:

“Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, laitu mereka yang khusyuk dalam solatnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia;

Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: - Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekaalah orang-orang yang melampaui batas; Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya". (**Surah al-Mu'minun ayat 1 – 8**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Berdasarkan Surah al-Mu'minun, beberapa ciri yang menunjukkan seseorang mukmin itu berjaya, antaranya;

Pertama: Melaksanakan solat dengan sebaiknya. Solat merupakan kewajipan yang tidak dapat tidak mesti ditunaikan oleh setiap umat Islam. Ia merupakan amalan yang paling awal ditanya di akhirat kelak. Solat juga merupakan tiang agama yang mesti dilaksanakan dengan sebaiknya kerana ia ruang bagi hamba menghadap Pencipta Yang Maha Esa.

Kedua: Menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Rasulullah SAW bahkan mengingatkan kita melalui sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرءِ تُرْكَهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Maksudnya: "Antara kesempurnaan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya (tidak berfaedah baginya)". (**Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi**)

Selain itu, Rasulullah SAW turut mengingatkan bahawa tanda keimanan seseorang itu ialah dengan berkata yang baik-baik atau diam daripada berbicara kotor dan perkataan-perkataan yang menyakitkan dan menyesatkan orang lain. Rasulullah SAW telah bersabda:

مِنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيقْلُ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam". (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim**)

Ketiga: Menunaikan zakat. Ibadah zakat merupakan salah satu dari lima Rukun Islam yang disebut oleh Baginda Rasulullah SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Umar RA:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ نَحْمَسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ
، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحِجَّةِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad ialah Utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji di Baitullah, dan berpuasa di bulan Ramadan”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari**)

Keempat: Menjaga kehormatan diri. Dalam Surah al-Nur, Allah SWT turut mengingatkan supaya menjaga pandangan sama ada bagi lelaki dan perempuan dan tidak menampakkan perhiasan berupa bentuk tubuh atau apa-apa juga bentuk perhiasan yang boleh menarik perhatian *ajnabi*.

Kelima: Menunaikan amanah dan janji. Diriwayatkan dalam sebuah hadis:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ مَا خَطَبَنَا نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا قَالَ لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا
لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik RA berkata; Nabi SAW berkhutbah di hadapan kami dan baginda mengatakan: “Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji”. (**Hadis riwayat Imam Ahmad**)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Hidup ini begitu singkat, jadi gunakanlah masa dan kesempatan yang ada dengan berusaha menjadi manusia yang terbaik dan mukmin yang berjaya. Matlamat kehidupan bukanlah semata-mata mencapai sasaran kejayaan di dunia, bahkan kita perlu sentiasa sedar bahawa kehidupan di akhirat nanti lebih memerlukan perhatian, perancangan dan kesungguhan yang terbaik untuk diusahakan. Maka, khatib menyeru seluruh umat Islam

untuk istiqamah atas jalan Islam dan menguatkan azam bagi menjadi mukmin yang berjaya dunia dan akhirat. *Insya-Allah.*

Firman Allah SWT:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۖ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ۚ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلَاحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ

وَتَوَاصَوْا بِالصَّابِرِ ۝

Maksudnya: “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلُ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
 النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمَوَاتِ۔
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا
 مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِيشُ دَفْرُتوَانِ اكْنُوْغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللّٰهِ شَاهُ بْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ أَحْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللّٰهِ۔
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اكْنُوْغُ، تُونِكُو
 عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيهُ بَنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلُ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانُ إِسْكَنْدَرُ
 الْحَاجُ۔
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيِّ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمِيعَهُمْ وَاجْعِلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاونَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ، تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةَ مِنْ سِجِيلٍ، فَجَعَلُهُمْ كَعَصْفِ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرَقْ جَمِيعَهُمْ وَشَتَّتْ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلَّلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَّا مِنْ كَلَّابِكَ، يَا قَهَّارَ، يَا جَبَّارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيِ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ، إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.